

07/02/2002

Taksub, jumud dalam sastera Malaysia

Imlan Adabi

MINDA tertutup rugikan bangsa Melayu. Demikian saranan yang kedengaran pada Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam di Kuala Lumpur pada 29 hingga 31 Januari lalu.

Pada persidangan yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, kita mendengar pelbagai gesaan dan saranan supaya bangsa Melayu bangkit daripada tidur yang panjang, agar dapat bersaing dalam dunia yang semakin terbuka sekarang.

Sifat taksub dan jumud tidak membawa mereka ke tahap yang lebih baik, melainkan berada dalam kepompong sempit menyebabkan bangsa Melayu tercicir dari segi pemikiran, kegiatan ekonomi, kreativiti, cara hidup dan hubungan kemasyarakatan.

Saranan pada persidangan yang dihadiri ramai cendekiawan dan intelektual tempatan dan serantau itu perlu dimanfaatkan sasterawan kita kerana pada hari ini, ciri kejumudan dan fanatik semakin berleluasa, hingga menyebabkan ada antara karya sastera tempatan tiada arus perjuangan yang jelas.

Novel Ranjau Sepanjang Jalan meskipun dipuji kerana ada kekuatan bahasa dan perwatakan yang kuat, namun tidak boleh lari daripada sikap jumud yang merantai bangsa Melayu.

Lahuma - watak utamanya bukan saja pasrah dengan takdir, bahkan seperti menyesali takdir kerana kemiskinan dan kesukaran hidup yang dihadapinya. Bagi Lahuma segala bencana adalah musibah daripada Allah dan dia hanya sekadar pasrah kepada kesengsaraan hidup.

Sikap ini tidak wajar kerana sebagai umat Islam, Lahuma sepatutnya bertawakal kepada Allah di samping berusaha mencari kehidupan lebih baik. Sebagai petani miskin di Banggol Derdap ketika itu, Lahuma sepatutnya mempelbagaikan hasil pertaniannya dan bukannya bergantung kepada sawah semata-mata. Ramai petani yang berjaya pada hari ini kerana mempelbagaikan kegiatan - daripada menanam padi kepada penanaman sayur, jagung, buah-buahan di samping menternak ikan yang memberi hasil yang baik.

Dari segi bahasa dan perwatakan, Ranjau Sepanjang Jalan dikatakan berjaya mengangkat penulisnya, sebenarnya selepas diangkat oleh pengkritik luar dari tradisi Melayu, namun dari segi fikirannya, ternyata unsur jumud dan pasrah melulu masih tebal.

Sikap jumud pengarang Ranjau Sepanjang Jalan lebih ketara lagi pada novel Umi dan Abang Sheikhul dan Tok Guru yang menampakkan sifat taklik membabi buta terhadap ulama yang berserban besar, berjanggut dan berjubah. Novel terakhir ini menggambarkan sikap fanatik dan militan Melayu yang tebal. Apa saja yang dilakukan mereka yang kuat agama dianggap sah dan jujur sementara mereka yang tidak terdidik di pondok agama dianggap sekular dan kafir.

Sikap seperti ini bahaya kerana boleh membentuk keadaan tidak selesa dalam masyarakat. Perpecahan, pulau-memulau, kafir-mengkafir, sembahyang dua imam dan fitnah-memfitnah timbul daripada kerenah ustaz yang memperalatkan agama untuk kepuasan peribadi.

Dalam kehidupan harian, ada guru agama yang mengajar muridnya membenci kelompok yang lain semata-mata kerana kepentingan peribadinya. Keadaan lebih parah lagi apabila kepentingan peribadi dikaitkan dengan kepentingan umum apabila guru agama menceburi politik kepartian yang jumud dan fanatik hingga menimbulkan banyak kerenah dalam masyarakat.

Pada hari ini kehadiran militan dan fanatik persis Taliban di

Afghanistan bertebaran di sana-sini. Banyak negara Islam tumbang kepada kuasa asing semata-mata kerana penganutnya yang jumud hingga mengundang campur tangan asing. Ada juga umat Islam lebih percaya kepada apa yang dikatakan tok guru mereka hingga membelakangi ajaran al-Quran dan hadis nabi seolah-olah yang diajarkan oleh tok guru itu lebih benar daripada al-Quran dan hadis.

Banyak sekolah pondok dan institusi pendidikan didirikan di negara kita. Lebih malang lagi ada pelajar yang sejak kecil sudah diajar sebenarnya lebih tepat dikatakan sebagai diindoktrinasikan untuk menentang kerajaan yang dipilih rakyat. Semuanya ini memberi kesan besar kepada umat Islam, justeru perkara yang disuarakan pada seminar itu perlu direnung secara teliti supaya umat Islam tidak terperangkap dengan gerakan militan yang jumud dan taksub.

Pada hari ini di mana-mana saja orang berbicara mengenai globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Pelaksanaan Afta dan sidang WTO meletakkan manusia ke satu dimensi yang cukup mencabar. Hanya yang terbaik boleh memenangi persaingan sengit di dunia tanpa batasan politik dan geografi.

Melayu perlu mengerti hakikat kewujudan bersama dan persaingan yang timbul daripadanya. Sasterawan Malaysia perlu berdepan dengan kemungkinan pasaran yang agak mencabar di samping melahirkan karya yang terbaik. Editor sastera (bukan Berita Harian) pula berdepan dengan kemungkinan yang luar biasa- karya yang mencabar minda tetapi miskin penelaah atau karya popular alias sajak Ras Adiba Radzi yang boleh dinikmati dalam perjalanan Komuter dari Klang ke Kuala Lumpur. Editor yang baik harus menjadi pengawal karya yang bijaksana di samping memastikan tiada tulisan yang melankolis, berfikiran jumud dan taksub mendapat tempat. Sementara pengawal seni yang lain pula termasuk Lembaga Penapis Filem harus lebih cerdik dalam menilai sesebuah hasil seni supaya tiada golongan yang teraniaya gara-gara sikap alpa dan cuai mereka.

Apa yang berlaku kepada Sani Sudin, Marsli NO dan Pyanhabib harus menjadi kesedaran semua pihak agar tidak ada ulama seni yang jumud terlalu mudah membuat kenyataan berupa dosa dan pahala. Urusan dosa dan pahala sudah menjadi mainan ahli politik jumud dan fanatik. Pengawal seni harus lebih pintar dan matang dalam membuat keputusan kerana kerja seni menuntut ketulenan ilmu dan daya persepsi yang murni.

Justeru, saranan yang kedengaran pada Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam di Kuala Lumpur baru-baru ini perlu dihayati bersama.

Sayangnya, tidak ramai sasterawan, khususnya generasi baru yang hadir. Hal ini amatlah dikesali - seperti kata Kromo, sasterawan harus bergaul secara lebih luas, bukannya di kalangan sasterawan saja.

(END)